

E-NEWSLETTER

NADI NURTURE DILEA DIGITAL LEARNING

13 OGOS 2025

EDISI 06

NADI DILEA

ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG

Memperkenalkan barisan **Pelajar Cemerlang** yang telah menunjukkan dedikasi luar biasa dalam **Program Bimbingan Akademik Live Class**
NADI Nurture DILEA Digital Learning

TINGKATAN 4

1. NUR PHARAH AIN BINTI ZAMRAN [NADI ULU SEPERI, N. SEMBILAN]

2. SITI NUR WANITA BINTI MOHD RIZAL [NADI ULU SEPERI, N. SEMBILAN]

3. NURUL ALIA ARISHA SHAHPUZAM [NADI KAMPUNG ALOR UNTANG, TERENGGANU]

4. AMHA SOFEA MAISARA MOHAMAD RIZAM [NADI SERDANG, KEDAH]

5. ANIS UMAIRAH BINTI MOHAMAD AZRI [KAMPUNG ALUR LIMBAT, TERENGGANU]

6. NUR AYUNI MAJSARAH AZMAN [NADI AYER HETAM, JOHOR]

7. HANIS SUHARA AZLAN [NADI FELDA JENKA 4, PAHANG]

8. MUHAMMAD ADNIN NAUFAL BIN ABDULAH [NADI BUKIT CHANDAN, KUALA KANGSAR, PERAK]

9. PUTRI AUNI QISTINA MOHD MADZRI [NADI KAMPUNG TEMPOYANG, PAHANG]

10. MOHD IMMAL LIZAM BIN ROSLAN [NADI MERAPOK, SARAWAK]

TINGKATAN 5

1. NURSYUHADA MOHD HAFIZ [NADI FELDA BUKIT BATU, JOHOR]

2. HANIS SYAURAH BINTI DAUD [NADI DESA PAYA MENGGUANG, JOHOR]

3. MUHAMMAD HAIQAL ADIAN BIN MOHD KAMI [NADI KETAPANG HULU, PAHANG]

4. NURUL NABILA BINTI MAIDIN [NADI KAMPUNG MENUMBUK, SABAH]

5. NOHAZIRAH NATASHA SAHARON [NADI FELDA BUKIT BATU, JOHOR]

6. MUHAMMAD SETH HAZIQ ABUL JAMIL [NADI PADANG LALANG, KEDAH]

7. NUR AQLIAH MAISARA KHAIRUL NEZAM [NADI BEDONG, KEDAH]

8. NUR DAMIA QISTINA KHAIRUD-DIN [NADI KAMPUNG CHENOR, PAHANG]

9. HERDAWATE YAHYA [NADI PEKAN BINGKOR, SABAH]

10. NURZULKHA SABIHA BINTI MOHAMAD SEKERAN [NADI KAMPUNG MENUMBUK, SABAH]

ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG PERINGKAT PERTAMA

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada semua NADI dan pelajar yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam Program Bimbingan Akademik Live Class.

Sebagai pengiktirafan atas pencapaian luar biasa ini, mereka telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Kecemerlangan Peringkat Pertama, di mana setiap NADI dan pelajar yang terpilih telah menerima insentif wang tunai sebanyak RM 200.

Anugerah ini diberikan kepada mereka yang menunjukkan konsistensi dalam penyertaan dan pencapaian yang memberangsangkan sepanjang program.

4-18 JULAI 2025

Bimbingan Akademik Live Class Tingkatan 4 & 5

Strategi pelaksanaan Kelas Bimbingan Akademik Live Class Tingkatan 5 pada bulan Julai diteruskan pada hujung minggu secara serentak, terbukti berkesan dalam memastikan penyertaan maksimum pelajar tanpa mengganggu komitmen persekolahan mereka.

Pada masa yang sama, kelas Tingkatan 4 turut menunjukkan respons yang sangat positif, dengan penyertaan memberangsangkan mengikut jadual yang ditetapkan

Peserta dari NADI Desa Paya Mengkuang, Johor

1-29 JULAI 2025

OPEN LIVE CLASS JULAI

Program Open Live Class terus menunjukkan momentum positif, dengan pelaksanaan siri bulan Julai 2025 dari 9 hingga 31 Julai. Setiap hari, jam 3.30 petang hingga 4.30 petang, sesi ulangkaji komprehensif ini membincangkan subjek Matematik, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, dan Sejarah.

Kelas secara langsung yang interaktif ini, membolehkan komunikasi dua hala, telah memberi manfaat besar kepada semua pelajar Tingkatan 4 dan 5, termasuk peserta bukan Bimbingan Akademik

Peserta dari NADI Perumahan Kampung Balok Pantai, Pahang

8-18 JULAI 2025

Penguasaan Bahasa Inggeris Lesson 12 & 13

Program Penguasaan Bahasa Inggeris bagi bulan Julai telah dilaksanakan dari 8 Julai hingga 18 Julai 2025, melibatkan Lesson 12 dan 13. Sesi ini diadakan empat hari seminggu (Khamis hingga Ahad) dan disertai oleh pelajar yang turut terlibat dalam elemen Bimbingan Akademik.

Latihan yang diberikan dirancang untuk membina asas yang kukuh dalam kemahiran bahasa secara menyeluruh, selari dengan objektif program NADI Nurture DILEA Digital Learning.

Peserta dari NADI Sungai Pinang, Pulau Pinang



Cikgu Bob, Panel Jemputan Podcast DILEA Episod 5

25 JULAI 2025

Podcast Episod 5

Podcast DILEA Episod 5 telah ditayangkan pada 25 Julai 2025, membawakan topik menarik bertajuk ‘Bahasa Melayu, Bahasa Kita Maruah Kita’.

Episod ini menampilkan Cikgu Bob, yang berkongsi pandangan mendalam mengenai peranan Bahasa Melayu sebagai identiti dan maruah kita. Beliau turut mengupas cabaran serta tips untuk memperkukuh penguasaan bahasa ibunda. Episod ini sesuai untuk guru, ibu bapa dan pelajar yang ingin melihat subjek ini dari perspektif yang lebih segar dan positif.

Tonton sekarang di saluran Youtube DILEA Studio.

10-12 JULAI 2025

Program Madani Rakyat Pasar Kedai Payang, Terengganu

Penglibatan aktif DILEA Digital Learning di Program MADANI Rakyat Terengganu, yang berlangsung di Pasar Kedai Payang dari 10 hingga 12 Julai 2025, menjadi platform penting untuk kami mengumumkan perluasan kelas ‘Open Live Class’. Reruai kami mendapat sambutan yang sangat menggalakkan, terutamanya daripada ramai guru dan pelajar yang bukan sahaja menyertai kuiz interaktif, tetapi juga mendapatkan maklumat lanjut tentang inisiatif pembelajaran digital kami.

Inisiatif pembelajaran langsung dan interaktif ini kini akan merangkumi pelajar Tingkatan 1 hingga 6, bermula pada bulan Ogos. Kami amat berbangga menerima kunjungan dan sokongan daripada pimpinan kementerian, yang memberikan pengiktirafan berharga terhadap usaha kami dalam memperkasakan komuniti digital.



Peserta Kuiz DILEA Digital Learning



Pengunjung reruai DILEA Digital Learning

18 JULAI 2025

Hari Bersama Komuniti, NADI Taman Pekan Baru

Hari Bersama Komuniti, bersempena Majlis Perasmian NADI Taman Pekan Baru, telah berlangsung di Sungai Petani, Kedah pada 18 Julai 2025. Program ini, yang dirasmikan oleh YB Tan Sri Dato’ (Dr.) Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, bertujuan untuk memperkenalkan Perkhidmatan Pintar NADI kepada komuniti, menggalakkan pendaftaran keahlian, dan meraikan penduduk setempat.

Pelbagai pengisian menarik telah disediakan termasuk taklimat keselamatan internet, keusahawanan, serta pameran dan jualan oleh usahawan NADI. DILEA turut memeriahkan program ini dengan menyediakan aktiviti menarik bagi komuniti dan pengunjung sekitar, sambil memperkenalkan program-program yang sedang berlangsung.



Penerangan program-program DILEA kepada YB Tan Sri Dato’ (Dr.) Johari bin Abdul

19 & 26 JULAI 2025

Webinar Berkala Bahasa Inggeris & Bahasa Melayu

Webinar Berkala Bahasa Inggeris Edisi 3 telah berlangsung pada Sabtu, 19 Julai 2025. Webinar ini menampilkan Teacher Kiran, seorang Guru Cemerlang Bahasa Inggeris dan Edufluencer KPM, yang menyampaikan perkongsian berharga tentang topik ‘Speaking’ bagi membantu pelajar meningkatkan kemahiran komunikasi lisan mereka.

Manakala, Webinar Berkala Bahasa Melayu Edisi 3 pula telah diadakan pada Sabtu, 26 Julai 2025. Webinar ini menampilkan Cikgu Azizi, Tutor Program Anak Kita (KPM-UPSI) 2025, yang berkongsi panduan dan tips berkesan di bawah tajuk ‘Mudahnya Menulis Karangan’ bagi menasaskan pelajar yang ingin menguasai teknik penulisan karangan SPM.

Peserta Webinar Berkala NADI Kampung Pauh, Perlis



Menarik Bulan Ogos:
Open Tuition Tingkatan 1-6

Peribahasa Bulan Ini
Tak ada guruh pada orang pekak, tak ada kilat pada orang buta

Sebarang pertanyaan, boleh imbas kod ini!



dilea.support@msda.com.my